KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	16/10/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	25
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI KELANTAN			

Sinar 16 Okt 2021_25

30 pekebun ceroboh HSUG

JPNK akan bincang dengan kerajaan negeri cari jalan penyelesaian

KOTA BHARU

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) akan mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri dalam masa terdekat berhubung isu lebih 30 pengusaha kebun yang meneroka secara haram kawasan Hutan Simpan Ulu Galas (HSUG) di Gua Musang.

Pengarahnya, Abdul Khalim Abu Samah berkata, malah tindakan selanjutnya akan dilakukan selepas pihaknya mencapai persetujuan bersama-sama kerajaan Kelantan serta penyelesaian yang adil bagi semua pihak termasuk pekebun terlibat.

"Bagaimanapun, pendekatan kita (JPNK dan kerajaan Kelantan) tidak sama seperti yang berlaku di Pahang baru- baru ini (isu peneroka haram).

"Sebab itu, JPNK mengeluarkan notis untuk mereka mengosongkan kawasan itu," katanya ringkas ketika dihubungi pada Jumaat.



ABDUL KHALIM

Pada Khamis, dilaporkan lebih 30 pengusaha durian musang king dan pokok getah di kawasan tanah seluas 90 hektar di Kampung Pulai, Gua Musang menerima notis pengosongan selepas 25 tahun mengusahakannya.

Notis pengosongan bertarikh 30 September itu dikeluarkan oleh JPNK dengan dakwaan kumpulan pekebun berkenaan telah meneroka HSUG di Gua Musang secara haram dan dikehendaki mengosongkannya dalam tempoh 14 hari. - *Bernama*